


Menuulis

Tulis perkataan, rangkai kata, istilah, dan ungkapan pada maknanya yang betul. 

CARA MENGATASI PEMBAKARAN TERBUKA



Pengurusan Sisa Organik

Sisa organik hendaklah ditanam atau direputkan untuk dijadikan baja kerana sisa organik akan menyebabkan pemanasan global.

Penguatkuasaan Undang-undang

Pihak berkuasa perlu mengenakan kompaun yang tinggi dan hukuman penjara terhadap individu yang melakukan pembakaran terbuka.

Mengurangkan Penggunaan Bahan Api Fosil

Bahan api fosil akan menyebabkan pembebasan gas sulfur dioksida yang akan mencemarkan udara. Bahan api fosil juga ialah bahan yang mudah terbakar.

Ayuh, kita berganding bahu untuk mencegah aktiviti pembakaran terbuka demi alam sekitar kita!

Info Ekstra

Cara Mengatasi Pembakaran Terbuka

- penguatkuasaan undang-undang
 - menghukum individu atau pihak yang melakukan pembakaran terbuka
- pendidikan dan kesedaran awam
 - program pendidikan dan kempen kesedaran untuk mendidik masyarakat tentang bahaya pembakaran terbuka
- pemantauan dan kawalan
 - pemantauan dengan menggunakan teknologi seperti dron atau satelit
- pengurusan sisa yang berkesan
 - penggunaan alternatif seperti kitar semula, kompos, dan pelupusan sisa secara bertanggungjawab
- kerjasama komuniti dan agensi
 - kerjasama antara penduduk, NGO, dan agensi kerajaan
- penggalakan penggunaan kaedah pertanian mapan – teknik pertanian moden seperti pembakaran terkawal yang selamat, penggunaan mesin, dan pertanian tanpa bakar

Perkataan/Rangkai Kata/Istilah/Ungkapan	Makna
1 _____	bahan api yang terbentuk daripada proses semula jadi
2 _____	bekerjasama
3 _____	sisa makanan
4 _____	denda yang perlu dibayar kerana melakukan kesalahan
5 _____	peningkatan suhu atmosfera bumi akibat kesan rumah hijau